



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

PEMADANAN PERNIAGAAN MAFI HASILKAN KERJASAMA STRATEGIK PERKUKUH PASARAN PRODUK DAGING TEMPATAN

PUTRAJAYA, 30 September 2021- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memainkan peranan proaktif dalam pepadanan perniagaan dengan membantu memperluas dan memperkasa pemasaran produk daging tempatan melalui usahasama strategik dengan syarikat pengeluar dan pasaraya besar.

Kerjasama ini telah dilaksanakan secara rintis dengan memadankan pengeluar/pengusaha produk daging tempatan bimbingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) iaitu syarikat Al-Quds Livestock dengan Lotuss Store (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) yang dahulunya dikenali sebagai Tesco Malaysia. Melalui rundingan pepadanan perniagaan antara kedua pihak ini bersama MAFI, Al-Quds Livestock telah ditawarkan peluang pemasaran 16 SKU produk daging tempatan di 7 stor Lotus's Malaysia mulai 30 Ogos 2021 dan di 5 stor mulai 3 September 2021 yang bertumpu di sekitar kawasan Lembah Klang. Dengan kerjasama ini, Al-Quds Livestock menjadi satu-satunya pengeluar dan pembekal daging tempatan di Lotus's Malaysia.

Bagi memastikan usahawan tempatan seperti Al-Quds berjaya meningkatkan penjualan produk mereka, Lotus's Malaysia turut memberikan sokongan tambahan dari segi tunjuk ajar dalam pelaksanaan promosi dan penggunaan ramalan penjualan untuk merancang ketersediaan produk.

Syarikat Al-Quds merupakan pemain industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Setelah 12 tahun beroperasi, pada tahun 2020 syarikat memutuskan untuk menerokai bidang baharu iaitu penternakan lembu dan pemprosesan daging segar melalui pewujudan Al-Quds Livestock demi kelangsungan perniagaan. Kini, syarikat mempunyai ladang ternakan di Rantau Panjang, Kelantan

dengan kapasiti maksima 2,000 ekor lembu. Syarikat juga memilih 2 outlet jualan iaitu di Kota Bharu, Kelantan dan di Bangi, Selangor untuk memasarkan 37 produk makanan sejuk beku yang terdiri daripada daging yang telah diproses dan 10 produk makanan *ready to cook*.

MAFI komited untuk memperkukuh pasaran produk daging tempatan melalui kemudahan dan bimbingan teknikal yang disediakan oleh jabatan dan agensi serta khidmat pepadanan pemasaran oleh Kementerian. Usahawan yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan ini dijemput untuk menghubungi pejabat DVS negeri atau MAFI untuk maklumat lanjut.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
30 September 2021